

SOALAN NO. : 16

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir
[Kulim Bandar Baharu]**

SOALAN:

Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam menyelaraskan projek-projek tebatan banjir di semua negeri terlibat. Memandangkan kawasan Kampung Ulu Mahang terjejas akibat limpahan air sungai setelah projek tebatan banjir Bukit Bertam, Selama Perak siap dibina.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini, tiada projek tebatan banjir yang telah dilaksanakan di Bukit Bertam, Selama, Perak. Oleh yang demikian, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) sedang merancang untuk menyelesaikan masalah ini dengan pelaksanaan cadangan Projek Rancangan Tebatan Banjir Bukit Bertam yang akan dipohon dalam RMKe-11.

Sekian, terima kasih.